



PROGRAM SKIM INSENTIF PEMBIAYAAN TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT

TSPKS 2.0



Had Pembiayaan

**Sehingga RM14,000 / hektar (Semenanjung Malaysia)
Sehingga RM18,000 / hektar (Sabah & Sarawak)**



Kadar Keuntungan

Serendah 2% setahun*



Tempoh Pembiayaan

Sehingga 12 tahun*



Tempoh Moratorium

48 bulan (4 tahun) tiada bayaran semula di dalam tempoh ini

- *Tiada Penjamin diperlukan*



IMBAS KOD QR UNTUK
MAKLUMAT LANJUT

Visual adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

* Tertakluk pada terma dan syarat

PENGENALAN

- Skim ini menyediakan dana khusus bagi kerja-kerja penanaman semula sawit untuk pengusaha sawit khususnya pekebun kecil persendirian.
- Dana yang disediakan adalah terdiri daripada komponen geran (50%) dan sebahagian lagi adalah pembiayaan (50%) kepada pekebun kecil persendirian.

SKOP PEMBIAYAAN

Skim ini ditawarkan dalam bentuk kombinasi geran dan pembiayaan bagi aktiviti berikut:

- Penyediaan kawasan tanaman sawit.
- Pembelian anak benih sawit berkualiti.
- Penyelenggaraan kebun sehingga sawit berusia tiga (3) tahun (selepas menanam) termasuk program pembajaan pada tahun pertama dan kedua.

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun hingga 70 tahun semasa permohonan.
- Jumlah keluasan pemilikan tanah penanaman sawit tidak melebihi 10 hektar (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).
- Had maksimum kelulusan keluasan ialah 6.5 hektar sahaja (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak).
- Tanaman sawit yang berusia 25 tahun dan ke atas atau tanaman sawit yang tidak produktif.
- Mempunyai lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang sah bagi aktiviti menjual dan mengalih buah tandan segar (BTS).
- Mengemukakan dokumen pemilikan atau penguasaan tanah yang sah.
- Kawasan tanaman adalah sesuai dengan aktiviti penanaman sawit.

CARA MEMOHON

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan penyertaan program kepada mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran atau terus melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan Berjangka-i

KONSEP SYARIAH

Tawarruq

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Borang Permohonan Pembiayaan
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang sah bagi aktiviti menjual dan mengalih Buah Tandan Segar
- Salinan Dokumen Pemilikan Tanah/ Surat Pengesahan Rasmi Pihak Kerajaan Negeri/ Jabatan berkaitan



Leboh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia
Tel: +603 2731 1600

E-mel:
customer@agrobank.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di **1-300-88-2476** atau:

- Layari laman web korporat www.agrobank.com.my
- Kunjungi mana-mana cawangan terdekat Agrobank

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat